

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT  
7 OKTOBER HINGGA 5 DISEMBER 2019**

---

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]  
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN 15 :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan kadar cukai yang dikenakan oleh negara-negara pembeli atas minyak kelapa sawit Malaysia. Adakah cukai yang sama dikenakan kepada negara-negara pengeksport minyak kelapa sawit yang lain.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kadar cukai import yang dikenakan oleh negara-negara pembeli ke atas minyak kelapa sawit Malaysia boleh dibahagikan kepada 3 kategori:

- i. *Most Favoured Nation* (MFN) diguna pakai oleh kebanyakan negara di dunia;
- ii. *Asean Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN) diguna dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN, iaitu mengikut kadar cukai import dibawah *Asean Trade in Goods Agreement* (ATIGA); dan
- iii. *Preferential Rate / Tariff* digunakan di negara-negara yang telah menandatangi perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA) dengan Malaysia samada secara dua hala atau diperingkat serantau melalui ASEAN.

Negara pengeksport minyak sawit yang lain seperti Indonesia dan Thailand juga dikenakan cukai import melalui kaedah yang sama seperti di atas. Namun, kadar *Preferential Rate / Tariff* yang dikenakan adalah berlainan mengikut Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang telah dimeterai antara negara pengeksport tersebut dengan negara rakan dagang yang terbabit.

Sekian, terima kasih.